

Mahathir setuju akta lindungi pengguna digubal

MIRI, Khamis — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membentangkan Rang Undang-Undang Akta Persaingan pada sidang Parlimen, akan datang.

Menterinya, Datuk Abu Hassan Omar, berkata cadangan penggubalan akta itu dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Inflasi dan ia (jawatankuasa) bersetuju untuk membentuknya.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi jawatankuasa itu bersetuju dan kementerian saya dalam proses membuat draf akta itu untuk dibentangkan pada sidang Parlimen akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia 1994 peringkat Sarawak serta penganugerahan kedai harga patut, di sini, hari ini.

Menurutnya, Akta Persaingan yang akan dibentangkan itu antara lain bertujuan melindungi pengguna daripada tindakan tidak beretika pengeluar dan pengedar yang bekerjasama menaikkan harga barang.

"Dalam keadaan sekarang pengeluar dan pengedar boleh berkomplot menaikkan harga barang, meskipun ia adalah barang keperluan," katanya.

Abu Hassan menambah, akta itu untuk melindungi pengeluar terutama syarikat kecil dan sederhana daripada dieksploitasi oleh firma besar, khususnya multi nasional.

Katanya, kini, sebuah firma multi nasional antarabangsa bebas membuka perusahaan mereka di sesebuah negeri dan ini boleh mengancam perkembangan syarikat tempatan.

Beliau juga berkata, Kabinet dalam mesyuarat mingguannya semalam, mengarahkan kementeriannya supaya mengkaji semula senarai barangan keperluan.

"Ini berikutan banyak barangan yang belum disenaraikan, tetapi kini sudah dikategorikan sebagai barang keperluan harian pengguna.